PELITA BRUNEI

Tahun 1. No. 9. DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DUA KALI SABULAN 16 JUNE, 1956.

DYMM SULTAN BRUNEI MELAWAT MALAYA

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin telah berangkat dari Brunei ka Singapura dengan kapal terbang Tentera Laut Diraja British jenis "Sunderland" pada pagi hari Ithnin 11 June, 1956 kerana menjalankan lawatan tidak rasmi Baginda dan dari sana akan melawat Pulau Pinang dan Kelantan di Persekutuan Tanah Melayu.

Putera Baginda yang sulong, Pengiran Muda Hassanal Bolkiah dan Puteri Baginda yang sulong, Pengiran Anak Puteri Masnah telah berangkat bersama Baginda. Baginda telah diiringi oleh Wazir Yang Pertama Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan Setia Usaha Sulit Baginda, Pehin Dato' Haji Ibrahim bin Jahfar.

Bersama2 berangkat dengan kapal terbang itu ialah Yang Berhormat British Resident Brunei, Mr. J.O. Gilbert yang akan melanjutkan chuti panjangnya ka United Kingdom.

Kira2 seramai 200 orang dari berbagai2 bangsa, termasok beberapa orang Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri dan Pegawai2 Kerajaan telah berhimpon di Tambatan Bandar Brunei pada pagi hari tersebut untok menguchapkan Selamat Jalan kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan; British Resident Brunei dan lain2-nya.

Duli Yang Maha Mulia Sultan dan rombongan Baginda telah berlepas dari Tambatan Bandar Brunei dengan sabuah kapal Kerajaan pada pukol 8.45 pagi dan telah menaikki kapal terbang Tentera Udara Diraja British berdekatan Pulau Sibungor di Sungei Brunei.

Menurut suatu berita yang diterima disini, rombongan Duli Yang Maha Mulia Sultan telah selamat tiba di Singapura pada pukol 2.30 petang hari tersebut.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei dijangka akan balek ka Brunei pada penghujong bulan ini.

PEMANGKU2 RAJA NEGERI BRUNEI

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Anak Haji Mohamed Alam ibnu Almerhom Pengiran Anak Abdul Rahman dan Yang Mulia Pengiran Maharaja Laila Anak Muda Kahar ibnu Almerhom Pengiran Haji Mohamed Yassin telah dilantek menjadi Pemangku2 Raja Negeri Brunei pada masa Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin berada diluar negeri.

UCHAPAN TERIMA KASEH DARI DYMM SULTAN BRUNEI

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin berasa sangat sukachita hendak menguchapkan berbanyak2 terima kaseh kapada kesemua orang yang telah menziarahi Baginda pada masa Hari Raya I'dil Fitri di Istana Darul Hana baharu2 ini.

Dibawah ini kita siarkan untok pengetahuan orang ramai titah Diraja tersebut :

" Saya berasa sangat bangga dan dengan penoh kesukachitaan hendak menguchapkan berbanyak2 terima kaseh kapada tiap2 orang dari sebarang bangsa yang telah mengunjungi ka Istana Darul Hana selama enam hari mulai dari Hari Raya yang kedua kerana menguchapkan Selamat Hari Raya kapada Saya dan juga kapada Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri.

" Atas niat yang baik itu, berlebeh2 lagi, Saya dengan hati yang suchi murni menguchapkan kahadzrat Tuhan Yang Maha Kuasa samoga sekalian pendudok2 dalam Negeri Brunei, Darul Salam, akan beroleh dengan rahmat dan dichuchuri dengan penoh kegumbiraan satiap masa. OMAR ALI SAIFUDDIN, SULTAN BRUNEI ".

Sabagai suatu bukti bahawa ramai orang telah melawat ka Istana Darul Hana pada masa tersebut kerana menunaikan kewajipan yang terma'lum, dapatlah kita terangkan bahawa menurut suatu kenyataan yang rasmi, lebeh daripada 6,000 orang dari berbagai2 bangsa, lelaki dan perempuan telah menyempornakan perkara tersebut.

BRITISH RESIDENT BRUNEI YANG BAHARU

Mr. D.C. White, O.B.E., bekas Resident Sibu, Sarawak akan memangku jawatan British Resident Brunei pada masa Mr. J.O. Gilbert berchuti. Mr. White dijangka akan tiba di Brunei pada 19 June, 1956 dengan sabuah kapal Kerajaan Brunei dari Sibu, Sarawak.

Sabelum masa British Resident Brunei yang baharu itu tiba di Negeri ini, jawatan British Resident itu akan dipangku oleh Pesuroh Jaya Perkembangan Negeri Brunei, Mr. E.R. Bevington.

PEGAWAI2 DAERAH BRUNEI DAN KUALA BELAIT

Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar Ali, bekas Pegawai Daerah Brunei-Muara samenjak 10 tahun yang lalu, telah ditukarkan ka Kuala Belait baharu2 ini menggantikan tempat Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad bin Daud sebagai Pegawai Daerah Kuala Belait.

Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad bin Daud pula pada masa ini sedang memegang jawatan Pegawai Daerah Brunei-Muara.

HALAMAN PENERANGAN

Beberapa chadangan dan shor2 telah diterima daripada pembacha2 Pelita Brunei ini, yang memberikan fikiran2 mereka atas bagaimana keinginan2 yang dikahendakki.

Chadangan2 yang dikeluarkan oleh sidang pembacha itu kami anggap adalah sabagai perkara yang mendatangkan harapan yang baik, dan yang naskhah kechil ini ada mendapat perhatian daripada sidang pembacha. Kami selalu akan memerhatikan kegemaran2 pembacha2 dalam perkara2 yang sudah tentu dikeluarkan dengan tujuan supaya molebihkan lagi isi dan mutu naskhah ini. Tetapi sudah tentulah sabaleknya, tidak dapat kami akan memberi kepuasan hati kapada tiap2 pembacha oleh kerana perkara yang sarupa itu adalah sukar hendak dipenohkan.

Sabagai yang telah kami terangkan dalam keluaran kami yang pertama yang bertarikh 15 February, 1956 tujuan Pelita Brunei adalah yang pertama sekali guna mengadakan suatu berita Kerajaan yang pada asasnya menggambarkan perkhidmatan2 Kerajaan dalam segala lapangan2 perkembangan negeri; dan juga pada dasarnya untok bachaan pendudok2 negeri yang jauh dari pekan dan sukar mendapat bahan2 penerangan darihal perjalanan perkhidmatan2 Kerajaan.

Pada masa ini, oleh kerana kasulitan2 dan keperluan2 yang sangat mustahak bagi mengadakan sabuah naskhah berita yang agak lengkap maseh belum dapat kami atasi, maka terpaksalah keluaran Pelita Brunei terhad mau pun dalam isinya atau pun dalam chara bentoknya.

Tujuan kami adalah, dengan saberapa chepatnya, supaya Pelita Brunei ini dichetak sabagai lembaran naskhah surat khabar yang biasa, penoh dengan berita2 luar salain daripada berita2 Kerajaan yang memang menjadi sendinya, dan ruangan2 ilmu pengetahuan untok pengetahuan 'am dan didekan. Juga akan disulam dengan gambar2 yang bersangkut paut dengan perkara2 tadi.

Sunggoh pun naskhah Pelita Brunei maseh belum dapat meningkat katujuan yang sempurna, kami bergembira benar dan ingin menguchapkan terima kaseh atas sambutan sidang pembachanya yang sekarang tetap bertambah. Keluaran Pelita sekarang telah meningkat 2,000 naskhah.

Pembahagian Pelita adalah perchuma sahaja, tidak dikenakan bayaran, dan ini dibahagikan kapada pendudok? negeri yang dikampong2, diulu2, dll., menerusi Pegawai2 Daerah Brunei, Kuala Belait, Seria, Temburong dan Tutong. Bilangan naskhah yang banyak juga dibahagikan kapada anak2 sekolah dan sekolah2 menerusi Pengawas2 Sekolah2. Salain dari itu, pekerja2 Kerajaan juga adalah menjadi pembacha Pelita

Kami telah juga mendapat permohonan daripada luar negeri saperti Borneo Utara, dll. Tetapi, oleh kerana keadaan masa ini, hanya sabilangan yang kechil sahaja daripada mereka dapat dilayan. Kepentingannya adalah pertama sekali untok pembacha2 dalam negeri.

HARGA2 BUAH KAWANG DAN LADA

Controller of Customs, Brunei telah menetapkan harga2

buah2 kawang dan ...

buah2 kawang dan lada untok kegunaan mengutip chukai mulai dari 11 June, 1956 iaitu :

Buah2 kawang $ 30.75 sapikul; lada puteh $ 80.57 sapikul dan lada hitam $ 64.73 sapikul.

PERKEMBANGAN NEGERI IRAQ

Iraq ialah salah satunya daripada negeri2 Islam dalam daerah Timor Tengah yang mempunyai kekayaan yang amat besar yang datangnya daripada hasil minyak. Padang2 Minyak Mosal yang mashor itu adalah dudoknya dalam negeri Iraq.

Sabagai Negeri Brunei, Iraq ada mempunyai ranchangan2 perkembangannya sendiri, dan baharu2 ini dalam suatu minggu mereka telah dapat membuka 6 buah ranchangan2 yang baharu. Minggu ini dipanggil Minggu Perkembangan, dan pembukaan kerja2 ranchangan yang baharu itu telah senghaja diaturkan kerana Minggu Perkembangan itu.

Salama beribu2 tahun yang lampau, Iraq telah mengalami benchana ayer bah yang sangat merosakkan daripada Sungei Tigris, tetapi sekarang dibawah Ranchangan Perkembangannya, sabuah bendungan ayer yang amat besar telah dibena lengkap dengan terusan ayernya, dan sekarang telah menjadi mudah bagi mengalihkan perjalanan ayer sungei itu kaarah tanah lembah yang rendah pada masa ayer bah.

Pada masa minggu yang baharu2 ini salepas telah dibukanya bendungan ayer yang baharu itu, daerah itu telah ditimpa oleh hujan yang amat besar dan Kerajaan telah berpeluang menunjokkan bagaimana chara yang baharu itu dapat mengalihkan ayer Sungei Tigris itu serta menjauhkan benchana ayer bah yang kebiasaannya terjadi pada masa dahulu. Ayer sungei itu naik kapada ukuran yang sederhana, dan tiadalah sasuatu kerusakkan yang terjadi. Iraq berharap hendak mengadakan suatu Minggu Perkembangan yang tertentu pada tiap2 tahun apabila ranchangan2 baharu dibuka.

Saperti Brunei, Iraq maseh menggunakan beberapa banyak orang Eropah dan penasehat2 asing dan sabahagian daripada mereka adalah menjadi ahli daripada Lembaga Perkembangan Negeri Iraq.

Persamaan dengan Brunei lagi ternyata dalam perkara dimulakannya Ranchangan Perkembangan negeri Iraq dalam tahun 1951; dan salanjutnya beberapa tahun telah lenyap sabelum ternyata bukti2 daripada Ranchangan Perkembangan itu. Peristiwa ayer bah yang selalu terjadi itu adalah suatu sebab2 yang telah menggganggu kerja Perkembangan, dan bendungan ayer yang besar itu terpaksa dibuat dahulu.

Ranchangan Perkembangan Negeri Iraq telah diaturkan dengan tujuan meninggikan taraf penghidupan pendudok2nya dengan saberapa chepat, dan mereka sangat menaroh perhatian terhadap usaha mengadakan Ranchangan2 Tali Ayer. Keadaan perumahan2 di Iraq tidaklah bagitu baik sabagai di Brunei, tetapi ternyatalah bahawa dikedua2 tempat ini perumahan2 yang baharu sangatlah dikahendakki.

Lagi saperti Brunei, chepatnya perkembangan di Iraq itu bukanlah terhad oleh kerana wang, tetapi oleh kerana kekurangan orang2 dan buroh2 yang berpengalaman. Ranchangan Perkembangan mereka boleh dapat diselesaikan dengan lebeh chepat

jikalau ada banyak ...

jikalau ada banyak orang sanggup mengerjakannya. Tetapi jikalau tidak, maka terpaksalah kerja2 itu dijalankan dengan perlahan2.

PENUBOHAN KERAJAAN TEMPATAN

Penulong Resident, Brunei Mr. D.L. Bruen akan melawat kaseluroh Negeri Brunei selama kira2 6 minggu berhubong dengan perkara penubohan Kerajaan Tempatan di Negeri ini.

Beliau akan diiringkan oleh Mr. Patrick McAfee dari Establishment Section Kerajaan Brunei dan kemudian oleh Inche' Sunny bin Ahmat, bekas Pegawai Daerah Seria.

Mr. Bruen telah berangkat dari Brunei ka Daerah Tembulong pada 6 June dan telah berada disana hingga 9 June. Beliau telah melawat Muara dari 12 hingga 14 June dan mulai dari 18 hingga 21 June beliau akan berada di Daerah Tutong. Kemudian diantara 25 dan 28 June beliau akan melawat Daerah Kuala Belait. Dari 2 July hingga 5 July, Mr. Bruen dan rombongannya akan berada di Daerah Brunei.

Dalam masa lawatannya itu, Mr. Bruen akan mengadakan pertemuan2 dengan saberapa banyak orang2 ramai dalam bandar2 dan kampong2 untok menerangkan chara2 pertadbiran Kerajaan Tempatan. Salepas itu beliau akan menyediakan sabuah penyata dan shor2 mengenai lawatan2nya.

Pada masa Mr. D.L. Bruen menyempornakan kewajipannya sebagaimana tersebut, jawatan Penolong Resident, Brunei akan dipangku oleh Mr. G. Lloyd-Thomas, bekas Pemangku Resident, Limbang, Sarawak.

KEMAJUAN RANCHANGAN TELEPHONE VHF

Diumomkan untok pengetahuan orang ramai bahawa Saloran Telephone VHF ka Kuala Belait dan Labuan disambongkan pada masa ini dengan telephone2 di Pejabat2 Kerajaan Bandar Brunei.

Inilah salah satu daripada langkah2 yang pertama mengenai kemajuan yang telah dijalankan oleh Pejabat Telecommunications. Controller pejabat itu berharap bahawa bilangan telephone2 di Bandar Brunei yang boleh disambongkan dengan Saloran Telephone VHF itu akan dapat ditambah tidak berapa lama lagi.

Apabila pekerjaan tersebut diselesaikan, maka dapatlah orang ramai membuat perhubongan dengan Labuan atau Kuala Belait menerusi Saloran VHF dengan telephone masing2 dan tidak payah membuat perhubongan dengan telephone2 khas yang disediakan oleh Pejabat Telecommunications.

Sahingga baharu2 ini perhubongan2 dari Brunei ka Kuala Belait dan ka Labuan hanya boleh dibuat menerusi telephone2 di Pejabat British Resident, Post Office dan dari Wireless Station.

KEMAJUAN PEMBINAAN JALAN2 RAYA DI BRUNEI

Menurut suatu kenyataan dari Juru-tera Negeri Brunei, bertambah2 kemajuan telah dapat dichapai mengenai pembinaan jalan2 raya dalam Negeri Brunei pada tahun 1955. Pada awal tahun yang lalu, penyiasatan2 telah dijalankan dan pekerjaan membina jalan2 raya itu dilakukan pada pertengahan tahun, dalam mana beratus2 orang telah bekerja. Dalam Bandar Brunei, Kuala Belait dan Seria sejauh 5 batu, dan 13 chain jalan2 yang baharu telah disiapkan.

Selain daripada membina jalan2 raya itu, beberapa banyak jalan2 kechil dan jambatan2 yang kechil dikawasan itu telah dibina, serta juga beberapa banyak parit2 dan jalan2 untok orang berlalu lintas disabelah jalan2 raya juga dibina.

Adalah dijangka bahawa dengan pengalaman yang dalam mengenai hal ehwal membina jalan2 raya di Negeri ini yang telah dilakukan pada tahun yang lalu, pembinaan jalan2 raya pada tahun ini akan beroleh dengan bertambah2 kemajuan daripada tahun yang lalu.

JENTERA YANG BAHARU BAGI MEMBANCHOH SEMEN DAN MEMADAT TANAH

Pejabat Kerja Raya Negeri Brunei telah membeli sabuah jentera yang baharu bagi membanchoh semen dan memadat tanah untok digunakan bagi pekerjaan membina jalan2 raya di Negeri ini.

Sabuah lagi jentera jenis itu sudah pun digunakan dan mendatangkan hasil yang baik, kerana jalan raya yang baharu yang baik dari Bandar Brunei ka Batu 6 di Jalan Tutong telah dibina dengan menggunakan jentera itu.

Jentera yang baharu itu akan digunakan dalam pekerjaan membina jalan raya dari Danau ka Anduki. Hutan diantara kedua tempat itu sudah pun ditebas sejauh 8 batu dan adalah diharap bahawa dengan jalan ini, pekerjaan membina jalan raya diantara Brunei dan Seria dapat diselesaikan dalam masa yang singkat.

PERUMAHAN "FLATS" KERAJAAN DI TASEK

Akhbar Borneo Bulletin, Kuala Belait baharu2 ini telah menyiarkan sedikit berita yang tidak benar berhubong dengan perumahan "flats" Kerajaan di Tasek. Akhbar itu berkata bahawa hasil yang berfaedah tidak diperolehi daripada usaha menahan tanah yang sedang runtoh berhampiran "flats" itu.

Berita yang sabenar ialah batu2 yang berat diperbuat dengan semen dan besi telah ditanam dibawah bangunan sabelum "flats" itu dibangunkan.

Akhbar itu juga berkata bahawa gambar2 yang mereka siarkan ada menunjokkan bagaimana tanah dari bawah bangunan itu sedang runtoh. Berita ini juga tidaklah benar, kerana bangunan itu dibangunkan diatas batu2 semen dan besi yang chukop kuat, menekala tanah yang runtoh itu sabenarnya ialah disabelah belakang "flats" itu.

Pada masa ini ...

Pada masa ini Kerajaan sedang mempelawakan tender2 bagi menyudahkan pembangunan "flats" itu dan adalah dijangka bahawa ia akan dapat didudoki sabelum akhir tahun ini.

PEKERJAAN MEMBERSEHKAN SUNGEI BELAIT

Pekerjaan membersehkan Sungei Kuala Belait telah dimulakan baharu2 ini satelah Captain Doust dari Federal Dredging Company tiba di Brunei dari Singapura.

Captain Doust telah membawa kapal2 serta alat2 yang hendak digunakan dalam pekerjaannya itu dan samenjak masa itu, beliau sibok menjalankan pekerjaan2nya.

Satelah tiba di Kuala Belait, Captain Doust dan orang2 yang bekerja membersehkan sungei itu telah berangkat ka Bukit Sawat dan pada masa ini mereka telah berangkat pula ka Pangkalan Siong kerana membersehkan kawasan diantara kedua2 tempat itu.

Hujan telah turun dengan chukop lebat tidak berapa lama salepas mereka itu tiba di Pangkalan Siong, dengan menyebabkan ayer sungei naik satinggi sabelas kaki. Pasokan membersehkan Sungei Belait itu telah mengadakan sabuah sukatan ayer di Bukit Puan supaya dapatlah diberi tahu kapada mereka dengan radio pada satiap hari dalamnya ayer sungei itu.

PEMBAHAGIAN AYER DI BANDAR BRUNEI

Bendungan perbekalan ayer minum di Tasek baharu2 ini hampir kekeringan ayer kerana kemarau yang telah berlaku selama beberapa hari yang panas. Ayer telah berhenti keluar meluap dari atas bendungan itu kadalam kolam ayer yang dibawahnya dengan menyebabkan sedikit ayer sahaja yang tinggal didalam kolam ayer itu.

Hujan lebat yang telah turun sedikit hari salepas itu telah dapat mengisi ayer yang dikahendakki kadalam bendungan ayer itu.

Adalah diberitakan bahawa pendudok2 di Bandar Brunei sedang menggunakan lebeh banyak ayer daripada masa yang lalu. Pada tahun 1955 pendudok2 di Bandar Brunei telah menggunakan sebanyak 13,000,000 gallon ayer pada tiap2 bulan dan samenjak pump2 yang baharu dan alat penapis ayer di gunakan di Tasek, pendudok2 dalam Bandar Brunei ini telah menggunakan sebanyak 23,000,000 gallon ayer pada tiap2 bulan.

Dijangka bahawa usaha mengadakan perbekalan2 ayer yang baharu yang dapat diadakan bagi menyediakan ayer yang chukop untok kegunaan pendudok2 tempatan akan mengambil masa 2 hingga 3 tahun.

Samentara itu, Kerajaan sedang membuat ranchangan bagi mengadakan jamban2 tarik untok pendudok2 diseluroh Bandar Brunei. Tetapi jamban2 itu akan hanya dapat diadakan apabila perbekalan ayer menchukopi.

Bagaimana pun, dua orang Juru2-tera dijangka akan tiba di Brunei untok menjalankan penyiasatan mengenai kegunaan ayer dari Sungei2 Kianggeh, Tasek dan Berangan untok jamban2 tarik itu.

Juru2-tera itu ...

Juru2 tera itu dijangka akan tinggal di Brunei selama diantar 3 dan 4 bulan untok menjalankan kewajipan mereka supaya Bandar Brunei tidaklah akan kekurangan ayer pada masa beberapa tahun yang akan datang.

RANCHANGAN PERKEMBANGAN GETAH

Pejabat Pertanian Negeri Brunei mema'lumkan bahawa hanya sapuloh permintaan2 sahaja untok menanam getah yang baharu telah diterima oleh Pejabat itu pada bulan April yang lalu.

Pejabat itu berasa dukachita menyatakan bahawa pekebun2 kechil tempatan tidak begitu gemar menchapai peluang yang telah diberi oleh Kerajaan berhubong dengan Ranchangan Perkembangan Getah yang telah dijalankan sakian lama.

Menurut suatu berita dari Pejabat Pertanian Negeri, sajumlah 9,400 pohon2 getah yang kechil telah dibahagikan kapada 10 orang yang telah membuat permintaan. Pohon2 itu akan ditanam dalam kebun2 mereka berjumlah saluas 52 ekar tanah dalam beberapa daerah2.

Pekebun2 kechil ini akan menerima bonus sebanyak $ 50 untok tiap2 ekar tanah yang sudah ditanam dengan pohon2 getah selama enam bulan satelah pohon2 itu dipereksai oleh Pejabat Pertanian dan didapati pekebun2 kechil itu menurut sharat2 serta nasehat2 yang diberi dibawah ranchangan ini.

Pejabat itu mema'lumkan lagi bahawa 25 permintaan2 untok menanam getah semula telah diterima dalam masa pertengahan bulan June ini. Inilah suatu perkhabaran yang baik kerana pejabat itu belumlah lagi menerima sebarang permintaan pun dari pendudok2 Negeri ini untok menanam getah semula.

Kesemua 25 permintaan2 itu datangnya dari Orang2 Melayu dari Daerah Tutong. Mereka mempunyai 271 ekar tanah dimana telah ditanam pohon2 getah yang lama. Pejabat Pertanian akan memberi sebanyak 54,200 batang2 pohon2 getah yang diperolehi dari tempat perchubaan menanam pohon2 di Berakas kapada mereka itu untok ditanam dikebun masing2, iaitu mengandongi 200 batang2 pohon getah pada tiap ekar tanah.

Samenjak beberapa hari yang lalu, Pejabat Pertanian Negeri Brunei telah menerima permintaan2 dari ramai bilangan pendudok2 di Negeri ini untok menanam pohon2 getah yang baharu, dan samenjak pertengahan bulan May, Pejabat Pertanian telah memberi sebanyak 21,435 pohon2 getah yang kechil kapada pekebun2 getah itu.

Pegawai Pertanian Negeri menyatakan bahawa beliau perchaya iaitu pendudok2 di Negeri ini adalah gemar dalam perusahaan menanam getah dan berharap supaya janganlah mereka lepaskan peluang yang diberi kapada mereka oleh Pejabat Pertanian Negeri ini pada masa sekarang.

RANCHANGAN MENGADAKAN KILANG BAJA DI MUARA

Suatu ranchangan bagi mengadakan kilang baja di Muara, Brunei sedang dijalankan pada masa ini dan sebagai buktinya, saorang Juru-tera dari Sharikat Manderstan & Partners, London telah melawat Negeri Brunei baharu2 ini untok menjalankan penyiasatan berhubong dengan ranchangan ini.

Juru-tera tersebut, ...

Juru-tera tersebut, Mr. L.H. Manderstan telah mengadakan perundingan2 dengan Pesuroh Jaya Perkembangan Negeri Brunei, dan juga dengan Wakil2 dari Sharikat Minyak British Malayan Petroleum Company Limited, Seria semasa berada di Negeri ini dalam mana beliau telah melawat ka kawasan yang telah dichadangkan untok membina kilang baja itu di Muara dan juga beliau telah melawat ka Padang2 Minyak di Seria.

Pada masa ini perhubongan2 sedang dibuat dengan Kerajaan2 Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Ceylon dan dengan lain2 negeri untok mendapatkan tahu jikalau Kerajaan2 itu berkahendakkan baja2 dan juga adakah mereka berkahendakkan membeli baja2 yang diperbuat di Brunei.

Menurut penyiasatan2, kesemua negeri2 itu sedang membeli beberapa banyak baja2 dari negeri asing dan keperluan mereka bertambah2 pada tiap2 tahun.

Meskipun penyata dari pehak Sharikat Manderstan & Partners itu belumlah lagi diterima oleh Kerajaan Brunei, tetapi adalah diharapkan bahawa penyiasatan2 berhubong dengan ranchangan tersebut akan beroleh dengan hasil yang baik.

Sakiranya sabuah kilang untok mengeluarkan baja dituboh-kan di Negeri ini, berma'nalah bahawa pendudok2 Negeri ini dapat membeli baja2 dengan harga yang murah dan dengan hal itu, dapatlah mereka mengeluarkan banyak tanaman dari tanah mereka.

Berlebeh2 lagi, dengan adanya sabuah kilang baja sebagaimana yang diranchangkan itu, dapatlah pendudok2 Melayu di Negeri ini bekerja disabuah tempat perusahaan secara baharu, sambil menambahkan pengalaman masing2 pula.

PAKAR2 ILMU BUMI DARI AUSTRALIA DI BRUNEI

Dua orang pakar2 Ilmu Bumi Kerajaan Australia, Mr.Blackburne dan Mr. Baker telah tiba di Brunei untok menjalankan penyiasatan2 mengenai tanah dikawasan diantara Muara dan Berakas.

Semasa berada disini, beliau2 itu akan mengambil chontoh2 tanah dari beberapa tempat dikawasan itu dan menghantarkannya ka England untok disiasat dengan lebeh lanjut.

Mereka itu juga akan menyediakan peta yang besar mengandongi kawasan tersebut dengan menunjokkan jenis tanaman, dan baja yang perlu digunakan untok tanah itu.

Dengan jalan tersebut, dapatlah dijalankan pekerjaan bagi menambahkan pengeluaran tanaman peladang2 dan juga dengan jalan itu dapatlah ditentukan beberapa banyakkah tanah yang perlu diberi kapada sasaorang peladang pada masa dijalankan ranchangan2 penempatan2 semula.

KAWASAN MENAROH KERETA2 DI BANDAR BRUNEI

Kerajaan Brunei telah menyediakan tempat menaroh kereta2 dihadapan kedai2 di Jalan Sultan, Bandar Brunei.

Dengan adanya tempat menaroh kereta2 itu ditengah2 Bandar Brunei, tidaklah payah lagi tepi2 jalan itu penoh sesak dengan kereta2 sebagaimana masa yang lalu.

UNDANG2 BAHARU MAJLIS UGAMA DAN 'ADAT ISTIADAT BRUNEI

(Sambongan dari PELITA BRUNEI No.7)

Samenjak keluaran PELITA BRUNEI bilangan yang kedua hingga bilangan yang ketujoh kita telah menyiarkan beberapa perkara mengenai Undang2 Baharu Majlis Ugama dan 'Adat Istiadat Brunei sebagai mana yang telah dipersetujukan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin dalam Majlis Mashuarat Negeri Brunei pada bulan February tahun ini.

Undang2 yang baharu itu telah berjalan kuat kuasanya mulai 1 haribulan February, 1956 dan telah dibuat sebagai menggantikan tiga buah Undang2 Ugama Negeri Brunei yang telah dibatalkan. Undang2 yang baharu itu adalah didasarkan kapada sabuah Undang2 Ugama yang sedang berjalan kuat kuasanya dalam Negeri Kelantan, Persekutuan Tanah Melayu, yang mana berbagai2 perkara telah diubahkan oleh Pehak Yang Berkuasa Negeri ini supaya Undang2 itu bersesuai dengan keadaan dalam Negeri Brunei.

Menurut kapada Undang2 tersebut, sabuah Lembaga yang dinamakan "MAJLIS UGAMA DAN 'ADAT ISTIADAT NEGERI" hendaklah ditubohkan dengan saberapa segera untok memberi nasehat kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei sebagai Ketua dan Kepala Ugama Islam dalam Negeri ini mengenai kesemua perkara yang bersangkut paut dengan Hukum2 Islam diseluroh Brunei.

Undang2 yang baharu itu chuma dikenakan keatas orang2 Islam sahaja yang melanggar Hukum2 Ugama Islam. Mereka bolehlah dida'wa dan dihukumkan oleh Mahkamah2 Kadzi yang telah ditubohkan di Negeri ini dengan diketuai oleh Kathi Besar, yang pada masa sekarang ialah Pengiran Haji Mohamed Salleh bin Pengiran Anak Haji Mohamed.

Bagaimana pun, orang2 yang bukan berugama Islam yang didapati menggalakkan orang2 Islam melanggar Hukum2 Ugamanya, mereka itu bolehlah pula dida'wa oleh Mahkamah Kehakiman.

Dibawah ini kita siarkan lagi sambongan berhubong dengan Undang2 Ugama tersebut:

Tiap2 jawatan Khatib yang kosong bagi mana2 Masjid tidaklah akan diganti, dikechualikan dalam mana2 perkara yang diperentahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei sendiri.

Jika berlaku sebarang kekosongan atau akan menjadi kosong mana2 jawatan Bilal bagi mana2 Masjid, maka hendaklah menjadi kewajipan bagi Imam Masjid itu, satelah mengadakan perundingan dengan Pegawai Pejabat Ugama membuat shor kapada Majlis Ugama sama ada jawatan yang kosong itu akan dipenohi atau tidak, dan jika dipersetujui, siapakah yang patut dilantek untok memegang jawatan itu.

Jawatan Kuasa Ulama hendaklah memereksa kelulusan2 mana2 orang yang dishorkan itu dan hendaklah memberi tahu kapada Majlis Ugama keputusannya itu.

Majlis Ugama itu bolehlah bagi pehak Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei melantek mana2 orang yang layak dan menasabah menjadi Bilal bagi mana2 Masjid, dan hendaklah memberikan sabuah Tauliah mengandongi Chap Majlis itu kapada mana2 orang yang dilantek memegang jawatan itu.

Tiap2 Pegawai Masjid akan memegang jawatan itu pada sepanjang masa yang dipersetujui oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, dan jawatan itu bolehlah dimansukhkan oleh Duli Yang Maha Mulia atas perkara2 yang menasabah.

(B E R S A M B O N G)

PENOLONG PEGAWAI PENERANGAN BRUNEI KA ENGLAND

Penolong Pegawai Penerangan Negeri Brunei, Pengiran Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah berangkat dari Brunei ka Singapura dengan kapal terbang pada pagi hari Ithnin 11 June, 1956 dan dari sana telah berlepas ka England pada 12 June dengan kapal terbang bersama beberapa orang Pegawai2 Penerangan dari lain2 negeri untok menghadziri Persidangan Pegawai2 Penerangan Commonwealth di England.

Beliau dijangka akan balek ka Brunei pada awal bulan August akan datang.

LANTEKAN BAHARU PEGAWAI2 KERAJAAN BRUNEI

Senior Inspector Pengiran Jaya telah dilantek menjadi Officer Commanding Police District, Brunei mulai dari 30 May, 1956 menggantikan tempat Inspector B.M.G. Carvalho yang telah berhenti dari jawatan itu, dan sekarang sedang berchuti.

Mr. Chua Kwang Soon telah dilantek menjadi Superintendent of Customs, Kuala Belait mulai dari 1 May, 1956.

Mr. Ernest Francis De Silva telah dilantek menjadi Pemereksa kenderaan2 baharu2 ini.

Mr. M.J. Caldwell, saorang Juru-tera Ayer, akan berkhidmat dengan Pejabat Kerja Raya Brunei sebagai Juru-tera Ayer. Mr. Caldwell dijangka akan berangkat dari Liverpool, England ka Brunei dengan kapal laut pada 7 August, 1956 dan akan tiba di Bandar Brunei melalui Singapura pada 12 September.

Mrs. D. Watson-Hyatt, bekas Pengawas Sekolah2 Inggeris Bahagian Permulaan di Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura, iaitu saorang pakar dalam hal ehwal pelajaran kanak2, telah dilantek baharu2 ini menjadi saorang Guru Bahasa Inggeris di Brunei. Beliau akan berangkat dari England ka Brunei pada 21 June, 1956 dan dijangka akan tiba di Brunei pada penghujong bulan July hadapan.

Mr. G.L. Malcolm, bekas Engineer-in-Charge, Workshops and Plant, di Singapura selama tiga tahun telah dilantek baharu2 ini menjadi Officer-in-Charge, Workshops di Kuala Belait, Brunei.

Mr. J.K. Corrigan telah dilantek baharu2 ini memangku jawatan Controller of Customs & Excise, Brunei selain daripada memegang jawatan2nya sendiri sabagai Pegawai Marine Negeri.

Dr. P.A. Hood, telah dilantek menjadi Medical Officer-in-Charge, Daerah Kuala Belait mulai dari 16 May, 1956 menggantikan jawatan Dr.S. Tillot yang telah berhenti dari jawatan itu mulai dari tarikh tersebut juga.

Che' A.M. Noor, telah dilantek menjadi Setia Usaha bagi Licensing Boards, Brunei untok tahun 1956 menggantikan Mr. Chua Kwang Soon.

PADANG TERBANG BRUNEI

Pekerjaan membesarkan Padang Terbang Brunei di Berakas telah berjalan dengan majunya dan adalah diharap bahawa pekerjaan itu akan dapat diselesaikan pada penghujong bulan July, atau dalam bulan August tahun ini.

Pada masa tersebut, kapal2 terbang yang besar saperti Dakota akan dapat mendarat di Padang Terbang itu. Sahingga kamasa ini, kapal2 terbang jenis tersebut yang datang dari Singapura dan Kuching mendarat di Padang Terbang Labuan. Haruslah pada masa akan datang, sabuah kapal terbang akan terbang terus dari Brunei ka Sibu, Kuching atau ka Singapura dengan tidak payah terbang dari Brunei ka Labuan.

Sabuah bangunan yang besar sedang dibangunkan di Padang Terbang Berakas itu, mengandongi Pejabat Padang Terbang, Kedai Makanan dan lain2nya untok kegunaan orang2 yang pergi menghantar penumpang2 kapal terbang yang hendak berangkat ka lain tempat, dan juga kerana menemui penumpang2 yang datang ka Brunei.

Salain daripada itu, akan juga disediakan suatu tempat yang khas dalam bangunan tersebut menunjokkan barang2 perusahaan Negeri ini, saperti barang2 pertukangan perak Negeri ini yang chukop mashor dari beberapa abad yang lalu.

Menara Kawalan Lalu Lintas Udara di Padang Terbang itu akan dibangunkan satinggi tiga tingkat, dari mana Anggota2 Pengawalan Lalu Lintas Udara dapat melihat dengan sapenohnya keadaan kawasan dikeliling padang terbang itu.

Bangunan tersebut dan Menara Kawalan Lalu Lintas Udara itu tidak akan siap dibangunkan terdahulu daripada kapal2 terbang jenis Dakota dapat mendarat di Padang Terbang itu. Bagaimana pun, Bangunan dan Menara itu diharap akan siap dibangunkan sabelum akhir tahun ini.

AMARAN KAPADA TUAN2 PUNYA TANAH

Adalah diumomkan kapada orang ramai bahawa Kawasan Municipal Bandar Brunei akan diperbesarkan sedikit hari lagi.

Kawasan yang baharu itu akan mengandongi sabilangan tanah2 yang dimileki dibawah Gelaran Pertanian yang digunakan oleh tuan2 punya nya untok usaha2 selain daripada pertanian. Mereka itu adalah dikahendakki membuat permintaan kapada Pejabat Tanah untok dipinda sharat2 gelaran tanah mereka apabila kawasan yang baharu itu ditetapkan jikalau mereka berkahendak menggunakan tanah2 mereka untok lain2 keperluan selain daripada yang ditetepkan dalam surat perjanjian.

Orang2 yang mempunyai Gelaran Pertanian dalam kawasan Municipal adalah dibenarkan menggunakan tanah itu hanya untok perusahaan pertanian. Sakiranya mereka terus menggunakan tanah mereka dalam Kawasan Municipal selain daripada yang ditetapkan dalam surat perjanjian itu, maka tindakan akan dijalankan keatas mereka dibawah Undang2 Tanah.